

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 16 / 1 / 2008

Malaysia tolak tuduhan Teheran taja pengganas

Provokasi Presiden Bush tidak diterima semua negara Islam: PM

BH - 16/1/2008

Daripada Mahfar Ali
di Madrid, Sepanyol

MALAYSIA tidak bersetuju dengan pandangan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush, kononnya Iran menjadi penaja utama kumpulan pengganas dunia, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), menegaskan tuduhan Presiden Amerika Syarikat itu tentu tidak diterima baik semua negara Islam.

"Kita rakyat Malaysia tidak menyetujui pandangan itu," katanya mengulas tuduhan terbaru Amerika Syarikat kononnya Iran menghantar ratusan juta dolar kepada kumpulan pelampau di seluruh dunia.

Abdullah yang tiba di sini Ahad lalu, bagi menghadiri Forum Perikatan Ketamadunan (AoC), yang bermula semalam, menegaskan kenyataan seumpama itu boleh mencetuskan perbalahan.

“Pelarian yang tinggal di khemah daif di Darfur perlu dipindahkan segera dan diberi jaminan keselamatan apabila mereka balik ke kampung masing-masing. Ini perlu sebelum sebarang program dapat dimulakan”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Terdahulu, beliau mengadakan pertemuan berasingan dengan Perdana Menteri Algeria, Abdulaziz Belkhadem serta Setiausaha Agung OIC, Prof Ekmelleddin Ihsanoglu dan Wakil Kanan bagi Dasar Luar dan Keselamatan Bersama Kesatuan Eropah, Javier Solana.

Ketiga-tiga pemimpin berkenaan turut menghadiri forum dua hari itu yang dianjurkan Kerajaan Sepanyol bertujuan mencari jalan merapatkan jurang yang semakin membesar antara negara dan budaya di seluruh dunia serta mewujudkan perkongsian baru dalam menggalakkan persefahaman sejagat.

Mengenai pertemuannya dengan Ekmelleddin dan Solana, Perdana Menteri berkata, pelbagai perkara dibincangkan termasuk berkaitan isu di Asia Barat, terutama Palestin serta Darfur.

Abdullah berkata, Malaysia dan EU memang terbabit secara aktif dalam perbincangan mengenai isu berkenaan.

Perdana Menteri menegaskan krisis di Darfur memerlukan penyelesaian segera bagi mengelak keadaan di Sudan menjadi lebih buruk.

"Pelarian yang tinggal di khemah daif di Darfur perlu dipindahkan segera dan diberi jaminan keselamatan apabila mereka balik ke kampung masing-masing. Ini perlu sebelum sebarang program dapat dimulakan," katanya.

Abdullah berkata, beliau turut membincangkan krisis di Pakistan dan berharap ia dapat diselesaikan secepat mungkin.

Mengenai pertemuannya dengan Perdana Menteri Algeria, beliau berkata, kedua-dua negara bersetuju meningkatkan kerjasama perdagangan dan ekonomi yang pada masa ini tidak begitu baik.

"Algeria mahu menarik sektor swasta Malaysia melabur di negara itu. Kita juga membantu dalam pembangunan modal insan. Setakat ini 65 rakyat Algeria sudah mengikuti latihan di Malaysia," katanya.